



Selasa, Jun 07, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM terima anugerah pemuliharaan alam sekitar PEKA disampaikan Sultan Selangor



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto: Norazreen Awang

SERDANG, 27 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima anugerah PEKA Award kategori Eco Tertiary Award yang disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Anugerah oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia) itu disampaikan Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor UPM, kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, di sini.

Ia diberikan atas sokongan dan inisiatif UPM dalam membantu memelihara serta memulihara hutan hujan tropika di Malaysia dalam bidang pengajaran dan penyelidikan dalam memperjuangkan khazanah alam di Malaysia.



Presiden PEKA Malaysia, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata buat julung kalinya, PEKA menyampaikan empat penganugerahan kepada penerima yang membantu menjalankan aktiviti yang dilaksanakan oleh pertubuhan itu.

Turut menerima anugerah ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk kategori Government-link Companies (GLC), Sekolah Antarabangsa Islamik Idrissi kategori Eco Tertiary Education Award 2016, dan Sekolah Antarabangsa Cempaka kategori Eco Secondary Education Award 2016. – UPM.

